

Projek naik taraf jalan bukan punca banjir

BESTARI JAYA - Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Selangor menolak dakwaan segelintir pihak yang menyatakan saluran air keluar masuk di Kampung Seri Makmur, di sini tertutup gara-gara pelaksanaan projek naik taraf Jalan Raja Musa.

Jurutera JKR Daerah Kuala Selangor, Ir Zamsari Mohamad berkata, pihaknya dimaklumkan projek naik taraf Jalan Raja Musa itu didakwa menjadi punca banjir di kawasan penempatan penduduk sehingga menjejaskan sembilan keluarga.

Menurutnya, JKR Daerah Kuala Selangor tampil membuat tinjauan dan mendapati projek naik taraf jalan sepanjang 13 kilometer bermula simpang masuk Universiti Selangor (Unisel) sehingga simpang Tanjong Karang itu bukan punca banjir yang melanda pada 10 November lalu.

"Projek naik taraf yang dilaksanakan itu bertujuan untuk melebarkan laluan dan pihaknya memastikan saluran pada pembetung tidak tersumbat bagi mengelakkan berlakunya limpahan air ketika hujan lebat, lebih-lebih lagi ketika itu air pasang tinggi.

"Kebetulan ketika musibah banjir itu berlaku, air lambat mengalir keluar



Banjir yang berlaku di Kampung Seri Makmur pada 10 November lalu.

ke Sungai Selangor memandangkan air pasang tinggi dan projek yang dilaksanakan sepanjang jalan besar kampung itu tidak menyebabkan saluran air keluar tertutup," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Zamsari berkata, kontraktor yang dilantik turut menjalankan kerja tambahan seperti pembesaran saluran pembetung dan mendalamkan saliran parit sedia ada memandangkan sebelum ini keadaan saluran agak

kecil dan boleh menyebabkan aliran air lambat.

"Saya berharap projek naik taraf terbabit dapat berjalan dengan lancar dan mengikut jadual yang ditetapkan memandangkan kemudahan jalan itu amat penting untuk kegunaan penduduk setempat untuk ke Tanjong Karang, Bestari Jaya dan Rawang," katanya.

Sebelum ini, seramai sembilan penduduk Kampung Seri Makmur terpaksa berdepan musibah banjir

paling teruk sepanjang menetap di kawasan penempatan itu gara-gara projek penambahbaikan jalan yang didakwa menjadi punca saluran air keluar tertutup.

Bagaimanapun, mereka difahamkan pihak berkaitan sudahpun menjalankan kerja penyelesaian banjir termasuk membesarkan dan mendalamkan saluran air keluar dan sedikit demi sedikit air yang bertakung di kawasan penempatan penduduk dapat mengalir sempurna.